

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum membuat keputusan untuk mengambil **Skim Takaful Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)**. Sila pastikan juga bahawa anda meneliti terma-terma dan syarat-syarat asas di dalam Sijil Takaful ini)

## TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**Skim Takaful Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)**

Tarikh: 01/12/2018

### 1) Produk apakah ini?

Skim Takaful Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) adalah Skim Takaful kemasukan hospital dan pembedahan yang diperbaharui setiap tahun untuk mengurangkan beban kewangan pihak Majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing tersebut dimasukkan ke hospital Kerajaan dalam Malaysia yang bukan diperbadankan disebabkan oleh kemalangan ataupun penyakit.

Golongan yang layak untuk perlindungan di bawah Sijil Takaful ini adalah pekerja asing yang bekerja pada masa sekarang/ masa hadapan secara sepenuh masa dengan Peserta Takaful, berumur dari lapan belas (18) tahun sehingga lima puluh sembilan (59) tahun, yang masih aktif bekerja pada tarikh orang itu layak untuk menyertai Sijil Takaful ini.

### 2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

### 3) Apakah Perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Pelan Takaful ini menyediakan manfaat-manfaat berikut secara pembayaran balik dengan manfaat dikenakan had tahunan seperti di bawah:

Perkara	Jadual Manfaat	Jumlah (RM)
1(a)	Bilik Hospital & Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)	Bayaran yang dikenakan – mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik & Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM 160 sehari di Hospital Kerajaan di dalam Malaysia dan Bukan Korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 dan/atau pindaan berikutnya
1(b)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)	
2	Bekalan & Khidmat Hospital	
3	Bilik Bedah	
4	Bayaran Pembedahan (Tidak merangkumi transplant organ)	
5	Bayaran Pakar Bius	
6	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	

7	Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
8	Bayaran Ambulans/Bayaran Laporan Perubatan	
<b>Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Perkara 1-8) Bagi setiap Orang Yang Dilindungi</b>		<b>RM 20,000.00</b>

Di penghujung tempoh Takaful, Sijil Takaful ini boleh diperbaharui setiap tahun mengikut pilihan pihak Syarikat sehingga 60 tahun.

Nota: Penerangan di atas adalah maklumat ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang diguna pakai adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam kontrak Sijil Takaful.

#### 4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Sumbangan Takaful tahunan adalah sebanyak RM127.20 ke atas setiap pekerja asing yang dilindungi termasuk fi dan Cukai Perkhidmatan tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan. Sumbangan Takaful pembaharuan tidak terjamin dan mungkin tertakluk kepada pelarasan dengan kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan dengan mengambil kira nisbah kerugian dan sebarang faktor-faktor lain yang mungkin menjejaskan kemampuan skim.

Syarat Pembayaran: Pembayaran Tunai Sebelum Perlindungan [Cash Before Cover(CBC)]

#### 5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	25% daripada RM105.00 (Sumbangan Takaful tahunan tolak fi MCO) terdiri dari: <ul style="list-style-type: none"> <li>10% daripada RM105.00 (Sumbangan Takaful tahunan tolak fi MCO) akan ditolak sebagai komisen; dan</li> <li>15% daripada RM105.00 (Sumbangan Takaful tahunan tolak fi MCO) akan ditolak sebagai Perbelanjaan Pengurusan</li> </ul>
Yuran Managed Care Organisation (MCO)	RM15 untuk setiap pekerja asing
Duti setem	RM 10.00
Cukai	Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan

#### 6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- Kepentingan Pendedahan – Anda harus mendedahkan semua fakta-fakta yang berkaitan dengan Orang Yang Dilindungi seperti keadaan kesihatan, pekerjaan serta tahap kesihatan mereka yang tepat.
- Anda hendaklah memberi maklumat secara penuh dan jujur segala butir-butir yang anda tahu atau patut tahu di atas borang cadangan ini dan jika tidak Sijil Takaful yang dikeluarkan menurut cadangan ini akan menjadi tidak sah.
- Wilayah Geografi – Semua manfaat yang dinyatakan di sini adalah terpakai di dalam Malaysia sahaja 24 jam sehari. Perlindungan terhenti sebaik sahaja Orang Yang Dilindungi meninggalkan Malaysia dan bersambung semula sekembalinya Orang Yang Dilindungi ke Malaysia.
- Had Manfaat- Semua manfaat yang disediakan di dalam Sijil Takaful ini adalah hanya berbayar jika Orang

Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital Kerajaan Malaysia yang bukan diperbadankan.

- Tempoh Ehsan - Ini adalah Sijil Takaful CBC. Meskipun terdapat syarat Tunai sebelum Perlindungan, suatu tempoh ehsan selama empat belas (14) hari dari tarikh perlu dibayar dibenarkan untuk pembayaran sebarang Sumbangan Takaful setelah Tahun Pertama Sijil Takaful. Dalam tempoh selama empat belas (14) hari tersebut, Syarikat akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, Sumbangan Takaful telah dibayar. Sekiranya sebarang Sumbangan Takaful berkaitan dengan Sijil Takaful ini tidak berbayar sebelum tarikh tamat tempoh ehsan, Sijil Takaful ini dianggap sebagai terbatal pada tarikh luput Sijil Takaful ini.
- Syarikat berhak untuk tidak menerima sebarang permohonan di mana pekerja terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak mematuhi syariah.
- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

*Nota: Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat lengkap di bawah Sijil Takaful ini.*

#### **7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?**

Sijil Takaful ini tidak melindungi mana-mana penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang disebabkan oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

- Pembedahan plastik/kosmetik;
- Rawatan pergigian atau pembedahan oral;
- Rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
- Kehamilan atau keguguran;
- Rawatan yang tidak memerlukan keperluan perubatan;
- Bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman;
- Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan atau sukan berbahaya;
- Penyakit kardiovaskular dan semua jenis kanser yang berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan ini berkuat kuasa.
- Penyakit sedia ada kecuali sekiranya Pekerja telah lulus pemeriksaan perubatan serta telah disahkan oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) dalam masa tiga puluh (30) hari ketibaan Orang Yang Dilindungi ke Malaysia.

*Nota: Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

### 8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?

Ya, anda (Peserta Takaful) boleh membatalkan Sijil Takaful ini bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada syarikat. Di atas pembatalan tersebut, anda adalah layak untuk pembayaran balik Sumbangan Takaful seperti jadual di bawah, dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan dalam tahun Sijil Takaful semasa.

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Sumbangan Takaful Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

### 9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang ditetapkan.

### 10) Bagaimanakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Takaful perubatan dan kesihatan ini, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai 'Medical & Health Insurance', boleh didapati di mana-mana cawangan kami atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas General Berhad**

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati.**

Sekiranya anda berminat untuk mengetahui sama ada terdapat jenis-jenis perlindungan Takaful seumpama ini, anda boleh menghubungi kami atau merujuk kepada mana-mana ejen Takaful kami.

**NOTA PENTING:**

**ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA SIJIL TAKAFUL INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA DAN SUMBANGAN TAKAFUL YANG DIKENAKAN ADALAH DI DALAM KEMAMPUAN ANDA. SILA BACA DAN FAHAMI TENTANG SIJIL TAKAFUL TERSEBUT DAN MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.**

**MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON PRODUK TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.**

**KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.**

**KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.**

**SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.**

**ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.**

*Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/12/2018*